# GARIS PANDUAN

## LESEN IMPORT (AP) KAJIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (AP R&D) – KEKAL

<table>
<tr><td>A.</td><td>Objektif</td><td>Untuk membolehkan pengimportan kenderaan/komponen ke Malaysia secara kekal untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam industri automotif.</td></tr>
<tr><td>B.</td><td>Syarat Kelayakan</td><td>(i) Dipertimbangkan kepada:<br>• Syarikat pemasang dan pengeluar kenderaan secara tempatan yang mempunyai Lesen Pengilang;<br><br>atau<br><br>• Syarikat yang mempunyai kontrak pemasangan (perjanjian contract assembler) dengan mana-mana syarikat/kilang pemasang kenderaan yang dibenarkan untuk mengimport kenderaan CBU/PBS/CKD.<br>(ii) Syarikat hanya dibenarkan mengimport 1 hingga 3 unit (maksimum) sahaja bagi setiap model kenderaan, mengikut keperluan. Kuantiti akhir akan ditentukan oleh MITI berdasarkan justifikasi yang diberi.</td></tr>
<tr><td>C.</td><td>Syarat Pengimportan</td><td>(i) Kenderaan hendaklah didaftarkan atas nama pengimport sahaja bagi tujuan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D);<br>(ii) Kenderaan tidak boleh ditukar hak milik untuk tempoh dua (2) tahun; dan<br>(iii) Pengimportan kenderaan hendaklah disertakan salinan Certificate of Origin/Registration.</td></tr>
<tr><td>D.</td><td>Penghantaran Permohonan</td><td>Syarikat perlu mengemukakan permohonan AP Kajian Penyelidikan dan Pembangunan (AP R&D) - Kekal berserta dokumen sokongan untuk semakan dan pra-kelulusan Kementerian dahulu seperti berikut:<br><br>1. Surat permohonan syarikat (letterhead syarikat)<br>- sila nyatakan tujuan pengimportan R&D kekal, kuantiti unit kenderaan yang diimport serta negara pengimport.<br>2. Profil syarikat (SSM)<br>3. Lesen Pengilang (Manufacturing License) / Kontrak pemasangan kenderaan dengan pemasang tempatan<br>4. Jadual aktiviti R&D<br>- Carta perbatuan (Gantt chart) yang lengkap dan jelas berkenaan tempoh masa dan ujian R&D yang akan dilaksanakan untuk 2 tahun.<br>5. Spesifikasi kenderaan, nombor casis, nombor enjin dan gambar kenderaan.<br><br>Proses permohonan ini mengambil masa minimum 14 hari bekerja dari tarikh dokumen lengkap dihantar.<br><br>Setelah syarikat menerima Surat Pra-Kelulusan MITI, syarikat adalah dipohon untuk mengemukakan permohonan berserta dokumen sokongan dalam talian menerusi sistem ePermit.<br><br>
<table>
<tr><td>E-mel</td><td>Unit AP Luar Kuota<br>apluarkuota@miti.gov.my</td></tr>
<tr><td>Serahan Tangan</td><td>Kaunter 8, Aras 2, Menara MITI<br>Seksyen Kawalan Eksport dan Import<br>Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri<br><br>Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)<br>No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah<br>50480 Kuala Lumpur</td></tr>
</table>
</td></tr>
</table>

<table>
<tr>
<td></td>
<td></td>
<td>
<table>
<tr><td></td><td><u>Waktu Operasi:</u><br>9.00 pagi - 4.00 petang<br>(setiap hari kecuali Sabtu, Ahad dan cuti umum)</td></tr>
<tr><td>Pos</td><td>Pengarah<br>Seksyen Kawalan Eksport dan Import<br>Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri<br>Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)<br>Aras 2, Menara MITI<br>No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah<br>50480 Kuala Lumpur<br>WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR</td></tr>
</table>
</td>
</tr>
<tr>
<td>E.</td>
<td>Dokumen Sokongan Pemperosesan AP Menerusi Sistem ePermit</td>
<td>Dokumen sokongan bagi permohonan AP Kajian Penyelidikan Dan Pembangunan (AP R&D) – Kekal yang perlu dimuatnaik secara dalam talian menerusi <u>sistem ePermit</u> adalah seperti berikut:<br><br>(i) Surat Permohonan Syarikat (letterhead syarikat);<br>(ii) Surat Pra-Kelulusan MITI;<br>(iii) Lesen Pengilang / Kontrak Pemasangan Dengan Pemasang Tempatan;<br>(iv) Carta Perbatuan (Gantt Chart);<br>(v) Spesifikasi kenderaan, nombor casis, nombor enjin dan gambar kenderaan (dari pandangan hadapan, belakang, kiri dan kanan)<br>(vi) Bill of Lading (BL) / Air Waybill /Truck Waybill;<br>(vii) A.T.A Carnet (jika ada).</td>
</tr>
<tr>
<td>F.</td>
<td>Proses Kerja</td>
<td>Sila rujuk <u>carta alir (flowchart)</u> AP Kajian Penyelidikan Dan Pembangunan (AP R&D) – Kekal</td>
</tr>
<tr>
<td>G.</td>
<td>Pertanyaan Lanjut</td>
<td>(i) <u>Berkaitan Permohonan AP:</u><br><br>Seksyen Kawalan Eksport dan Import<br>Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri<br>Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)<br>Aras 2, Menara MITI<br>No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah<br>50480 Kuala Lumpur<br>WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR<br><br>Nombor telefon : 03-6208 4710/4708/4726/4778<br>Emel : apluarkuota@miti.gov.my<br>Portal AP : www.miti.gov.my/ap<br><br>(ii) <u>Berkaitan sistem ePermit:</u><br><br>Bahagian Khidmat Pelanggan (Careline)<br>Dagang Net Technologies Sdn. Bhd. (DNT)<br>Dagang Net Tower, Block 10 (A&B) Corporate Park<br>Star Central, Lingkaran Cyberpoint Timur, Cyber 12<br>63000 Cyberjaya<br>SELANGOR DARUL EHSAN<br><br>Nombor telefon : 1-300-133 -133<br>Emel : careline@dagangnet.com<br>Laman web : www.dagangnet.com</td>
</tr>
</table>